

BAB 11

PENUTUP

Nordiana Ab Jabar dan Daeng Haliza Daeng Jamal

Secara keseluruhannya, perbincangan memperlihatkan kajian-kajian kepada kesenian dan warisan dalam negara yang meliputi pelbagai aspek seperti kesenian dalam bidang kesusasteraan, tekstil, bangunan warisan, dan makanan tradisi. Kesenian dan warisan merupakan dua perkara yang sangat berkait rapat bagi membentuk sesuatu capaian terhadap pembangunan warisan mahupun seni itu sendiri. Hal ini kerana, sesuatu warisan itu mempunyai nilai keseniannya tersendiri yang merupakan salah satu penyebab sesuatu warisan diangkat sebagai warisan. Manakala, seni merupakan suatu hasil keindahan melalui kemahiran dalam proses penciptaannya bagi membolehkan kesenian itu menjadi warisan. Kajian-kajian yang dilakukan membuktikan bahawa keberkesanan seni dapat memartabatkan warisan dan memulihara serta memelihara warisan dengan lebih baik agar terus relevan pada masa akan datang. Pada dasarnya, penelitian terhadap seni dan warisan ini adalah penting sebagai satu parameter yang cukup signifikan dalam meneliti pemikiran, struktur, bentuk dan proses dalam kajian yang dilakukan. Penelitian memaparkan bahawa para pengkaji telah tampil dengan kepelbagaian isu dan topik kajian yang mengagumkan bagi mencipta pembaharuan dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu yang dibangkitkan.

Misalnya, isu berkaitan karya adaptasi daripada teks sastera kepada bentuk digital telah membuktikan banyak faedah-faedah yang boleh diperoleh daripada karya adaptasi tersebut. Penegasan terhadap keperluan kepada penghayatan melalui pemerhatian dan pendengaran yang cekap terhadap karya adaptasi dibuktikan mampu memberi lebih kepuasan kepada khalayak dalam menghayati penceritaan karya adaptasi.